

26/09/2001

Azalina cabar penulis surat layang lapor polis

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Selasa - Ketua Penaja Puteri Umno Azalina Othman, menganggap pihak yang menulis surat layang mengenai keburukan dirinya dalam mentadbir pergerakan itu sebagai dayus dan penakut.

Sambil mencabar pihak yang cuba memburukkan soal peribadinya, Azalina berkata, jika pihak terbabit berani dan ikhlas dalam membetulkan kesilapan, mereka perlu tampil dan membuat laporan rasmi kepada pihak berkuasa.

"Kalau betul mereka berani, tulis nama dan buat laporan polis supaya dapat kaji sejauh manakah kebenaran kepada tuduhan. Bagi saya, mereka ini semua dayus dan penakut," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan Exco Puteri di sini, hari ini.

Azalina mengulas surat layang mengenai cara pentadbiran beliau, yang dialamatkan kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Surat layang sembilan muka yang dihantar kepada pejabat Berita Harian itu, didakwa adalah keluhan daripada ahli Puteri Umno sendiri.

Antara kandungan surat layang itu, penulis mendakwa walaupun ada Puteri Umno yang diberi jawatan tetapi mereka tidak mempunyai kuasa untuk bersuara kerana Azalina akan memberi kuasa kepada rakannya untuk mentadbir Puteri Umno.

Penulis surat layang itu turut memberi contoh pengalaman ahli Puteri ketika pilihan raya di Likas yang mereka mendakwa hanya ahli Puteri terpilih serta rakan Azalina yang boleh menyertai kempen pilihan raya berkenaan.

Azalina yang juga ahli Majlis Tertinggi (MT) berkata, surat layang itu berkemungkinan ditulis oleh ahli Puteri yang sudah meninggalkan parti ataupun pihak luar yang ingin mencemarkan reputasinya.

"Saya baru berbincang dengan Ketua Puteri Negeri mengenai perkara ini. Mereka pun dapat banyak surat layang tetapi bagi saya, inilah politik. Kadang-kadang orang suka, kadang-kadang orang tak suka.

"Bagi kedudukan saya sebagai Ketua Penaja, saya serahkan kepada budi bicara Presiden dan MT. Kalau mereka pun tak mahu saya menjadi ketua, tak jadi masalah kerana yang penting ialah sebagai pemegang amanah, saya cuba membantu untuk menguatkan kekuatan Umno pada peringkat akar umbi," katanya.

Beliau berkata, apa yang penting ialah masyarakat mengukur tata kerja yang dijalankan setiap Puteri Negeri dan Pusat kerana tidak adil untuk mengadakan pentadbiran kerja seseorang berdasarkan peribadi.

Sementara itu, Ketua Puteri Wilayah Persekutuan, Azlinda Abdul Rashad berkata, semua Ketua Puteri Negeri menyokong kepemimpinan Azalina walaupun mereka menerima pelbagai surat layang yang memburukkan beliau.

(END)